

TRAFIK MENGHALA KE KUALA LUMPUR MULA MENINGKAT

~ANIH Berhad Saran Pengguna Ikuti Cadangan Jadual Perjalanan Demi Keselesaian dan Kelancaran Perjalanan ~

KUALA LUMPUR, 6 MEI 2022– ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) menyarankan para pengguna untuk terus mengikuti Cadangan Jadual Perjalanan (TTA) yang dikeluarkan apabila merancang untuk kembali ke Kuala Lumpur.

Menurut Puan Radzimah Mohd Radzi, Pengurus Besar Kanan, Ketua ANIH Berhad, aliran trafik kembali ke Lembah Kelang mula menunjukkan peningkatan sejak 3 Mei lalu.

“Kita dapat lihat, jumlah kenderaan yang mula keluar daripada Lebuhraya KLK dan LPT1 ke arah Kuala Lumpur mula meningkat, sekaligus mencadangkan kemungkinan pengguna telah mula kembali ke ibu kota memandangkan cuti umum yang diumumkan Perdana Menteri berakhir pada 5 Mei lalu. Sehubungan itu, ANIH Berhad suka mengingatkan para pengguna untuk tetap mengikuti TTA yang telah dikeluarkan bagi memastikan keselesaan dan kelancaran perjalanan mereka”, tambah beliau.

Menurutnya lagi, kepatuhan pengguna terhadap TTA yang dikeluarkan juga meningkat kepada hampir 74% berbanding hanya 55% sejak mula diumumkan minggu lalu. Ini telah melancarkan operasi pengurusan lebuhraya KLK dan LPT1 terutamanya dalam memastikan keselesaan pengguna di R&R dan Hentian Sebelah sepanjang tempoh tersebut.

“Sejak 29 April hingga 5 Mei setakat jam 4 petang, jumlah kenderaan di KLK telah direkodkan sebanyak 1.15 juta, manakala di LPT1 pula mencatat sebanyak 570,398 kenderaan dalam tempoh yang sama. Sungguhpun begitu, keadaan di kawasan R&R dan Hentian Sebelah di kedua-dua lebuhraya ini terkawal. Kami yakin, disamping kesediaan petugas kami, kepatuhan kepada TTA oleh para pengguna sedikit sebanyak menyumbang kepada keselesaan semua dalam tempoh tersebut”, kata Puan Radzimah.

Walaupun toll percuma akan diberikan kepada para pengguna pada 7 Mei bermula jam 12 tengah malam sehingga 8 Mei 11.59 malam ini, para pengguna diingatkan untuk tetap menyentuh kad Touch N’Go mereka di plaza toll, dan memastikan baki dalam e-Wallet, kad Touch N’Go atau SmartTag mencukupi sebelum memulakan perjalanan bagi mengurangkan kesesakan di lebuhraya. ANIH Berhad juga menasihatkan para pengguna untuk mendapatkan rehat yang secukupnya sebelum memulakan perjalanan dan disepanjang perjalanan jika perlu di kawasan R&R dan Hentian Sebelah lebuhraya kendaliannya.

Untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini, sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi *hotline* LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700-818-700.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my, www.anihberhad.com